



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2018**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

September 2018

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

Bahagian A:
Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|------------------|--|--|
| Cemerlang | <p>26 – 30</p> <p>atas (28 – 30)</p> <p>(26 – 27) bawah</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang. |
| Kepujian | <p>20 – 25</p> <p>atas (23 – 25)</p> <p>(20 – 22) bawah</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas. |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---------------------------|--|--|
| Memuaskan | 15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. • Huraian idea masih jelas. |
| Kurang memuaskan | 10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan huraiananya kurang jelas. |
| Pencapaian Minimum | 01 – 09 atas (06 – 09) (01 – 05) bawah | <ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan. |

***Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

— = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

| KRITERIA | DESKRIPSI |
|-------------------------------|---|
| 1. BAHASA (Mekanis) | <ul style="list-style-type: none">• Kegramatisan:• kata (morfologi)• ayat (sintaksis)• Tanda baca |
| 2. LARAS (Dinamis) | <ul style="list-style-type: none">• Pemilihan kosa kata |
| 3. IDEA (ISI) | <ul style="list-style-type: none">• Tema• Isi utama• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)• Kerelevanan |
| 4. PENGOLAHAN | <ul style="list-style-type: none">• Wacana• Logik• Pemerenggan• Format |
| 5. GAYA BAHASA | <ul style="list-style-type: none">• Keindahan bahasa• Ungkapan• Peribahasa |

KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------|------------|---|
| CEMERLANG | 80 – 100 | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai |
| | (90 – 100) | <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. |
| | (80 – 89) | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan unsur bahasa bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |
| KEPUJIAN | 66 – 79 | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan tanda baca betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. |
| | (73 – 79) | <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. |
| | (66 – 72) | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------|---|---|
| BAIK | 51 - 65 (58 – 65) (51 – 57) | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan kosa kata umum. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. |
| MEMUASKAN | 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42) | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Ayat kurang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---------------------------|-----------------------------------|---|
| KURANG MEMUASKAN | 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. • Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. • Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. |
| PENCAPAIAN MINIMUM | 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10) | <ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan ayat yang tidak gramatis. • Kesalahan <u>ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</u> tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. |

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**Bahagian A**

[30 markah]

Tugasan Soalan

1. Calon perlu menghuraikan faedah-faedah koperasi sekolah.
2. Kerangka karangan mesti lengkap
 - a. Pendahuluan: Pengenalan tentang koperasi di sekolah
 - b. Idea/Isi : Rujuk rajah
 - c. Penutup: Rumusan keseluruhan tentang faedah-faedah koperasi sekolah
3. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - a. Memudahkan murid memperoleh barangan keperluan
 - b. Mengasah bakat keusahawanan
 - c. Memupuk nilai-nilai murni
4. Jika huraian idea jelas, menarik dan matang dengan tiga idea, calon layak mendapat peringkat **cemerlang (26-30 markah)**.
5. Sekiranya calon menambah idea lain dan berkaitan dengan faedah-faedah koperasi sekolah, idea tersebut boleh diterima.
6. Sekiranya calon tidak mengambil langsung idea yang diberikan tetapi mengemukakan idea sendiri, markah maksimum **peringkat kepujian (20-25 markah)**.
7. Sekiranya calon hanya mengambil satu idea sahaja dan ditambah dengan idea lain, periksa seperti biasa.
8. Jika calon menjawab lebih daripada 250 patah perkataan, periksa karangan seperti biasa.

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**Bahagian B**[100 *markah*]**Soalan 1**

Tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kesedaran diri, persekitaran dan rakan sebaya.

Ulas pernyataan tersebut.

Format: Tiada

Calon diharapkan dapat mengulas semua faktor yang terdapat dalam stimulus soalan (kesedaran diri, persekitaran dan rakan sebaya) yang mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Cadangan Isi:

- i) Kesedaran diri – kenal diri sendiri / berasa insaf /bertanggungjawab untuk mengubah diri sendiri. Kesedaran diri melalui hasil didikan ibu bapa, pembacaan, pergaulan, pengalaman dan pengamatan.
- ii) Persekitaran – Persekitaran boleh mempengaruhi tingkah laku apabila individu itu tinggal di kampung atau luar bandar, bandar, kawasan perumahan sama ada tinggal di rumah flat, kawasan setinggan atau kawasan elit. Persekitaran yang baik akan memberikan kesan positif kepada individu manakala persekitaran yang negatif akan memberikan kesan negatif terhadap pertumbuhan sahsiah mereka.
- iii) Rakan sebaya – Tingkah laku individu juga boleh dipengaruhi oleh kawan. Pengaruh positif akan memberikan tingkah laku yang positif dan sebaliknya, kegagalan memilih kawan akan memberikan kesan negatif. Rakan yang berperwatakan baik boleh mempengaruhi cara berfikir dan membuat keputusan.
- iv) Antara faktor lain yang mempengaruhi tingkah laku;
 - Latar belakang keluarga: keluarga yang berpendapatan rendah dan tidak mampu menghantar anak ke sekolah, keluarga yang berpecah belah, keluarga yang bermasalah memberikan kesan kepada tingkah laku seseorang.
 - Didikan Agama: Didikan agama memberikan kesan kepada tingkah laku seseorang; agama sebagai benteng dalam kehidupan. Didikan agama yang sempurna mampu membentuk sahsiah dan perilaku yang baik.

Soalan 2

Amalan menghormati orang yang lebih tua semakin luntur dalam kalangan remaja hari ini.

Huraikan peranan keluarga bagi memupuk amalan tersebut.

Cadangan Jawapan

Format:Tiada

Tugasan Soalan:

Calon diharapkan dapat menghuraikan peranan keluarga bagi memupuk amalan menghormati orang yang lebih tua.

Sekiranya:

- i) Calon menghuraikan peranan keluarga secara umum tanpa menyentuh amalan menghormati orang yang lebih tua, **maksimum markah peringkat memuaskan.**
- ii) Calon hanya menyentuh kepentingan amalan menghormati orang yang lebih tua tanpa menyentuh peranan keluarga, **maksimum markah peringkat memuaskan.**
- iii) Calon menghuraikan peranan keluarga secara umum (tidak menyebut bapa, ibu atau adik-beradik) tetapi masih menyentuh amalan menghormati orang yang lebih tua, **maksimum markah peringkat kepujian.**

Cadangan Isi:

- i) Ibu bapa bolehlah menggunakan pendekatan bercerita kepada anak-anak tentang kehebatan serta sumbangan datuk dan nenek.
- ii) Ibu bapa sentiasa membawa ahli keluarga menziarahi orang tua di kampung.
- iii) Abang/kakak menunjukkan contoh teladan yang baik kepada adik-adik supaya menghormati orang-orang yang lebih tua.
- iv) Ibu bapa memberikan didikan agama supaya menghormati orang yang lebih tua.
- v) Adik-beradik sentiasa menasihati antara satu sama lain tentang kepentingan menghormati orang yang lebih tua.
- vi) Datuk atau nenek berkongsi pengalaman dengan ahli keluarga supaya cucu-cicit sentiasa menghormati mereka.

Soalan 3

Pengangkutan awam merupakan salah satu usaha untuk mengurangkan kesesakan jalan raya.

Jelaskan langkah-langkah untuk meningkatkan mutu pengangkutan awam di Malaysia.

Cadangan Jawapan

Calon-calun diharapkan dapat menjelaskan langkah-langkah meningkatkan mutu pengangkutan awam di Malaysia.

Format - Tiada

Sekiranya

- i) Calon hanya membincangkan pengangkutan awam di Malaysia secara umum tanpa menyentuh langkah-langkah meningkatkan mutu pengangkutan awam, maksimum markah **peringkat memuaskan**.

Cadangan isi:

- i) Mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu di bandar-bandar utama bagi mengintegrasikan semua rangkaian pengangkutan rel di Malaysia iaitu Rel Berat (kereta api, komuter), Rangkaian Rel Ekspres (ERL), Transit Aliran Ringan (LRT), Monorel dan Transit Aliran Massa (MRT) serta menghubungkan semua pengangkutan darat (bas dan teksi)
- ii) Meningkatkan keselesaan dari segi fizikal (tempat duduk, pendingin hawa) dan mekanikal (enjin)
- iii) Memastikan kadar tambang berpatutan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.
- iv) Meningkatkan kecekapan (tambahan perkhidmatan pada waktu puncak, kawasan parkir) dan ketepatan jadual perjalanan.
- v) Meningkatkan aspek keselamatan (pemandu dan kenderaan)

Soalan 4

Sukan peringkat antarabangsa telah membuktikan penyatuan sejagat.

Bahaskan.

Format: Tiada

Calon diharapkan dapat membuktikan bahawa sukan antarabangsa telah menyatukan penyatuan sejagat.

Sekiranya:

- i) Calon menghuraikan penganjuran sukan antarabangsa tanpa menunjukkan unsur-unsur perpaduan di dunia. Markah **maksimum peringkat baik**.
- ii) Calon menghuraikan sukan antarabangsa dengan memberikan bukti perpaduan dalam kalangan peserta sahaja tetapi tidak menyatakan bukti penyatuan sejagat. Markah **maksimum peringkat kepujian**.

Cadangan idea:

- i) Semua negara bersatu demi menjayakan sesuatu kejohanan sukan.
- ii) Peserta menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dalam acara sukan antarabangsa yang disertainya.
- iii) Peserta terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan keturunan turut menyertai sukan yang dianjurkan dengan harmoni.
- iv) Semua negara turut menghormati penganjuran sukan antarabangsa tanpa mengira fahaman politik dan sosial.
- v) Setiap pemenang pingat dihormati melalui lagu kebangsaan negara masing-masing dan ini menunjukkan penyatuan seluruh dunia mengiktiraf kejayaan atlet negara tersebut.
- vi) Sebagai contoh, Piala Dunia mempunyai daya pemikat yang luar biasa, Piala Dunia menjadi wadah yang menyatukan seluruh penduduk dunia. Ketika Piala Dunia berlangsung seluruh penduduk dunia mengarahkan pandangan dan perhatian ke Russia.

Soalan 5

Karya sastera bermutu semakin dipinggirkan berbanding dengan bahan bacaan picisan. Beri pendapat anda tentang punca-punca berlakunya fenomena ini.

Format: Tiada

Calon diharapkan dapat menghuraikan karya sastera yang semakin dipinggirkan berbanding dengan bahan picisan.

Sekiranya

- i) Calon menghuraikan secara umum tentang karya sastera bermutu yang semakin dipinggirkan tanpa dikaitkan dengan bahan picisan, markah **maksimum peringkat memuaskan**.

Cadangan Isi:

- i) Lambakan bahan atau bacaan picisan (bahan bacaan yang tidak mendatangkan faedah, bahan berunsur humor, hiburan, pornografi dan keganasan. Contoh yang amat jelas ialah komik-komik yang mendapat pasaran meluas.
- ii) Bahan picisan lebih murah dan mudah didapati serta ilustrasi yang menarik. Bahan karya sastera lebih mahal.
- iii) Bahan picisan lebih menyeronokkan manakala karya sastera sukar difahami dan dianggap membosankan.
- iv) Promosi dan pemasaran bahan picisan lebih meluas manakala karya sastera hanya boleh diperoleh di premis tertentu sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT